



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KAMPUNG ANGKAT MADANI : KPN PERUNTUK RM1 JUTA BAGI KAMPUNG SUNGAI BALINGIAU

SIBU, 6 September 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperuntukkan **RM1 juta bagi pelaksanaan projek menaik taraf pembangunan** di Kampung Sungai Balingiau, Kanowit, Sibu. Majlis perasmian Kampung Angkat MADANI telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, hari ini.

Pelbagai skop projek telah dikenalpasti dan dirancang untuk dilaksanakan di bawah inisiatif ini termasuklah:

- i. Memasang papan tanda Kampung Angkat MADANI;
- ii. Menaik taraf dan menyelenggara jalan masuk ke Sekolah Kebangsaan Nanga Balingiau;
- iii. Menaik taraf laluan pejalan kaki (*walkway*) di Sekolah Kebangsaan Nanga Balingiau;
- iv. Menaik taraf dan menyelenggara jalan masuk utama ke Rumah Sandai dan Rumah Awin;
- v. Membina tandas awam di Rumah Awin dan Rumah Sandai ;
- vi. Menaik taraf jambatan besi ke Rumah Awin serta laluan keluar dan masuk;
- vii. Menaik taraf gelanggang futsal di kawasan Rumah Panjang Leka; dan;
- viii. Melaksanakan program kemasyarakatan bersama penduduk setempat.

Pada tahun ini, Kerajaan MADANI telah memperuntukkan **RM200 juta bagi meneruskan inisiatif Kampung Angkat MADANI dengan sasaran sebanyak 200 kampung**. Untuk rekod, pada tahun lalu, sebanyak 43 buah kampung telah menerima manfaat melalui inisiatif ini.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “**Kampung Sungai Balingiau dipilih kerana potensinya yang besar untuk menjadi model pembangunan komuniti secara holistik dan bersepadu. Saya ingin menegaskan agar urusan perolehan bagi projek ini mesti mengikut peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa bagi mengelakkan kelewatan dan pembaziran.**”

Projek Kampung Angkat MADANI diperkenalkan menggunakan pendekatan *Whole of Government* secara strategik berasaskan semangat inklusif, tanggungjawab sosial serta kerjasama erat antara agensi kerajaan dan komuniti setempat seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Kementerian Perpaduan Negara
6 September 2025
KPN.100-9/1/16 (74)